

06/03/1998

Boikot tidak kurangkan tebang hutan

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Khamis - Tindakan pasaran utama untuk mengehad atau memboikot penggunaan kayu tropika, tidak akan mengurangkan proses penebangan hutan di negara membangun.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah itu hanya menyebabkan hutan tropika tidak lagi mempunyai nilai atau menjadi sumber pendapatan.

"Hutan berkenaan tetap akan ditebang untuk pertanian dan lain-lain tujuan. Malah, sudah tentu, tiada wang yang akan diperuntukkan untuk mengekalkan hutan," katanya ketika merasmikan Persidangan Kayu Kayan Antarabangsa 1998 di sini, hari ini.

Hadir sama Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik; timbalannya, Datuk Hishamuddin Tun Hussein dan Pengerusi Majlis Kayu Kayan Malaysia (MTC), Tunku Osman Tunku Temenggong Ahmad.

Persidangan tiga hari itu dianjurkan bersama oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan MTC.

Perdana Menteri berkata, jika pasaran utama berusaha menyediakan peluang lebih besar dan nilai lebih tinggi bagi produk kayu, negara pengeluar akan berada dalam kedudukan yang lebih baik bagi mengurus hutan mereka secara mapan.

Ketika ini, jumlah perdagangan produk hutan sejagat dianggarkan berjumlah AS\$114 bilion (RM444.6 bilion) dan jumlah itu terus meningkat. Bagaimanapun, negara maju terus menguasai perdagangan itu merangkumi 80 peratus perdagangan kayu kayan.

"Negara membangun juga menyertai perdagangan itu tetapi pembabitan mereka masih kecil," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia bukan sahaja yakin, malah menyokong globalisasi dan liberalisasi perdagangan serta pelaburan yang lebih besar di peringkat serantau dan antarabangsa.

Bagaimanapun, ia harus menyumbang kepada pengagihan kekayaan yang sama rata.

Bagi memastikan negara pengeluar kayu kayan melaksanakan pembangunan hutan yang mapan, Dr Mahathir mencadangkan supaya setiap pokok yang ditebang meraih pulangan maksimum.

"Justeru, adalah penting bagi satu dasar sejagat yang sesuai diwujudkan bagi memastikan amalan perdagangan antarabangsa dan kemasukan ke pasaran secara adil dan saksama bagi produk kayu kayan," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Perdana Menteri berkata, tindakan memboikot itu tidak wajar kerana masyarakat antarabangsa mempunyai organisasi bagi membolehkan mereka berbincang.

Menurutnya, beliau tidak merujuk kepada mana-mana negara, sebaliknya masalah yang dihadapi sekarang ialah dengan proses perbandaran.

"Contohnya, sebuah negara itu mungkin bersetuju dengan formula perdagangan tetapi perbandaran dalam sesuatu negara itu menentukan kayu tropika tidak boleh digunakan di kawasan itu.

"Jadi, keseluruhan idea mewujudkan perjanjian antarabangsa tidak berguna," katanya.

(END)